

3.2 Sejarah Dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja

6. Semasa pentadbiran NNMB, Durbar dibentuk pada tahun 1897. Apakah peranan penubuhan Durbar ?ms42
- A Memberi nasihat kepada British dalam pentadbiran
 - B Menggubal undang-undang di negeri-negeri Melayu
 - C Merapatkan hubungan persahabatan antara raja-raja Melayu dengan British
 - D Raja Melayu membincangkan hal ehwal pentadbiran kerajaan persekutuan dengan British

Durbar membawa maksud perjumpaan atau persidangan umum Raja Melayu dengan British

7. Di manakah Durbar pertama yang dipengerusi oleh Pesuruhjaya Tinggi British diadakan ?ms42
- A Perak
 - B Pahang
 - C Selangor
 - D Negeri Sembilan
8. Semasa pentadbiran Malayan Union, apakah majlis yang ditubuhkan untuk membincangkan undang-undang berkaitan dengan agama Islam dan dipengerusikan oleh Gabenor Malayan Union ?ms43
- A Majlis Raja-Raja Melayu
 - B Majlis Tertinggi
 - C Majlis Negeri
 - D Durbar
9. Majlis Raja-Raja Melayu yang ditubuhkan semasa Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 telah menjadi institusi khas untuk Raja-raja Melayu. Apakah peranan Majlis Raja-Raja Melayu ?ms43
- A Raja-raja Melayu diberi kuasa untuk melantik Pesuruhjaya Tinggi British
 - B Raja-raja Melayu diberi kuasa untuk menggubal undang-undang Kerajaan Persekutuan
 - C Raja-raja Melayu diberi hak dan kuasa untuk mendapatkan penerangan tentang dasar Kerajaan Persekutuan
 - D Raja-raja Melayu diberi hak untuk menetapkan dasar Kerajaan Persekutuan

10. Selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Majlis Raja-Raja Melayu dikekalkan sebagai sebahagian daripada institusi Raja Berperlembagaan. Apakah perubahan dari segi keanggotaan Majlis Raja-Raja selepas pembentukan Malaysia 1963 ?ms44

- A Yang di-Pertua Negeri Melaka dan Pulau Pinang menjadi ahli Majlis Raja-Raja
- B Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Sarawak menjadi ahli Majlis Raja-Raja
- C Yang di-Pertua Negeri turut serta dalam mesyuarat khas memilih YDPA
- D Yang di-Pertua Negeri Singapura menjadi ahli Majlis Raja-Raja